Jeniffer Linggi pemerkasa seni visual Sabah

Walaupun sibuk sebagai pengurus BSLS, pelukis dan ibu namun berjaya menghasilkan lima buah buku

UB 19.10.2019 15



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS



Penulis bersama Jeniffer P Linggi.

ILUSTRASI: Sebahagian dari ilustrasi buku Jenifer Linggi.

JENIFFER Paul Linggi adalah seorang pengurus dan kurator Balai Seni Lukis Sabah (BSLS). Anak kelahiran negeri Sabah jati, sejak kecil memang sangat berminat melukis, pada mulanya berhasrat untuk menjadi pelukis namun tidak disenangi oleh ibu bapa beliau.

Atas nasihat bapa beliau seorang pegawai kerajaan, beliau bertukar kepada menjadi guru lukisan. Hasrat itu mendapat restu oleh bapa beliau memandangkan menjadi guru lukisan lebih sesuai kerana memperolehi pendapatan tetap.

Atasusahadankecenderungan berminat kepada seni beliau mendapat tawaran biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang seni bina di mana ketika itu kursus seni bina tidak menjadi pilihan utama oleh pelajar tempatan berbanding kursus sains seperti kedoktoran dan teknologi di United Kingdom.

Namun arah tuju cita-cita beliau mendapat 'tipping point' apabila bapa beliau menggalakkan memohon biasiswa kerajaan untuk melanjutkan pelajar peringkat ijazah di United Kingdom. Pada mulanya beliau terpaksa mendaftar di University of Warwick England mengambil kursus sains sosial selama satu tahun.

Selepas itu beliau diterima melanjutkan pelajaran di Oxford Brooke University dan Canterbury College of Art sebuah institut seni yang terkenal di England.

Beliau mengikuti ijazah seni bina dan menghabiskan masa menuntut selama tiga tahun. Ketika menjadi mahasiswi di universiti itu beliau mengalami berbagai perubahan dari aspek konsepsi, kreativiti dan inovasi seni visual.

Semasa di luar negara beliau tidak melepaskan peluang bercampur dengan pelajar antarabangsa dan juga masyarakat tempatan juga mengadakan pameran setiap hujung tahun.

Pengalaman baharu ini menambahkan lagi bakat serta ketrampilan sebagai seorang pelukis yang terbaik. Setiap musim cuti beliau akan pergi ke London melawat beberapa galeri terkenal di sana.

Lawatan ke gedung seni berprestij seperti Tate Modern, Royal Potrait Gallery, Metropolitan Museum of Art juga beberapa buah galeri terkenal di Eropah seperti The Louvre meningkatkan persepsi serta pengalaman estetika beliau yang membentuk kemahiran sebagai seorang arkitek dan pereka bentuk di masa hadapan apabila beliau menerajui institusi seni terbesar di kepulauan Borneo ini.

Menurut beliau pelajaran yang amat bermanfaat kepada diri sebagai seorang insan kreatif adalah semasa beliau pergi melawat di Eropah ketika musim cuti seperti cuti musim gugur di mana pelbagai budaya serta kesenian yang disaksikan semasa kembara di seluruh negara Eropah.

Semasa menuntut di luar negara beliau didedahkan dan sangat dipengaruhi oleh tokoh pereka bentuk, pelukis, pencipta, tekstil dan juga arkitek Scotland seperti Charles Rennie Mackintosh.

Pengaruh seperti tokoh terkemuka dalam seni bina antarabangsa menjadikan beliau lebih prihatin dan sensitif kepada elemen seni visual, arca, reka bentuk modular dan bahan tara terbaharu dalam seni bina bereksperimen seperti yang disarankan oleh Buckminster Fuller.

Berdasarkan karya tokoh terkemuka itu, Jeniffer Linggi mengalami perubahan persepsi berkaitan seni lukis dan ilustrasi. Antara tokoh pereka seni bina seperti Frank Llyod Wright seorangarkitek serta designer revolusioner dalam membuat kejutan yang radikal dalam seni bina dunia berjaya membuka perspektif anak gadis dari Negeri di Bawah Bayu mengenali seni bina dengan lebih berinovatif dari sebelumnya.

Malah minat terhadap bidang pengajian beliau bertambah menyemarakkan lagi dengan kolaborasi seni visual barat dan timur terutamanya kesenian etnik tempatan sebagai contoh Jeniffer berjaya mereka bentuk Galeri Seni Lukis Sabah yang ada kini tersergam sebagai mercu tanda Kota Kinabalu sebagai bukti kesetiaannya kepada reka bentuk mapan.

Sekembalinya selepas beberapa tahun berkhidmat di Universiti Waterloo di bahagian pendidikan beliau bekerja di syarikat seni bina tempatan namun kerjaya itu tidak bertahan lama apabila beliau dijemput untuk berkhidmat di Akitek Idris, syarikat seni bina terbesar di Negara Brunei Darussalam.

Namun rintihan hati kepada cinta pertama iaitu seni lukis amat kuat akhirnya Jennifer pulang ke negeri Sabah semula di samping mendidik anak-anak beliau dan menyiapkan ilustrasi buku LegasiKampung (Kampung Legacy) yang berjaya di lancarkan pada tahun 2017 melalui penyelidikan selama lima tahun.

Sekembalinya ke tanah air, beliau bekerja sebagai pensyarah di Sabah Institute of Art (SIA) sebuah sekolah seni yang terkenal di Kota Kinabalu. Pada masa yang sama beliau membuat ilustrasi dan lukisan dengan media pensil warna, beberapa jenis anyaman bakul dengan rotan, bemban dan plastik.

Apabila dia menunjukkan lukisan itu kepada Allahyarham Dato Mohd Yaman Mus yang ketika itu pengarah Balai Seni Lukis Sabah dan juga seorang yang dihormati dalam kalangan pelukis tempatan beliau dipujuk untuk mempamerkan karya lukisan pensel ilustrasi berkaitan buku beliau.

Melalui galakan dari Dato Mohd Yaman maka Jeniffer membuka langkah pertama memasuki dunia seni lukis selain menjadi seorang arkitek. Sejak itu beliau selalu mengambil bahagian di dalam pameran anjuran BSLS umpamanya pameran wanita, pameran Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah atau KPTNS dan pameran undangan.

Di samping itu beliau juga dipelawa untuk memegang jawatan setiausaha Persatuan Seni Visual Sabah (PSVS) pada tahun 2007 dan akhirnya menerajui kepimpinan persatuan itu sebagai presiden pada tahun 2008 hingga 2009.

Melalui persatuan itu, Jeniffer dikenali ramai dan beliau diterima menjawat jawatan disebabkan minat untuk berkhidmat di BSLS, kerana beliau merasakan betapa untungnya mereka yang setiap hari dapat melihat karya seni.

Seterusnya beliau ditawarkan bekerja sebagai penolong kurator apabila penolong kurator ketika itu Wan Haslinda berhenti kerana menolong perniagaan suami.

Peluang yang terbuka serta kekosongan jawatan di BSLS memanggil beliau untuk menjadi seorang penolong kurator dan kini menjawat sebagai pengurus BSLS adalah sesuatu yang tidak dijangka oleh beliau tetapi suatu kejutan takdir dan juga kewibawaan yang pernah menjawat presiden PSVS.

Beliau mempunyai matlamat tertentu dengan tujuan ingin mengangkat taraf seni visual di negeri Sabah. Menurut beliau setelah menjadi pengurus BSLS selama lebih 10 tahun beliau kini berupaya membuat penilaian terhadap pencapaian pelukis tempatan.

Menurut beliau lagi pada permulaan lima tahun pertama pelukis tempatan terlalu pasif bermaksud mereka tidak bermaya sebagai warga kreatif hanya menunggu jika ada acara seni yang diadakan untuk mereka oleh badan kerajaan atau penganjur swasta, namun pada hari ini menurut beliau masa telah berubah berdasarkan perkembangan teknologi terkini serta persepsi masyarakat terhadap seni.



Kulit buku Kampung Legacy oleh Jeniffer Linggi.

Beliau mendapati pelukis tempatan lebih aktif dan berusaha mengadakan program pameran seni visual atas inisiatif mereka sendiri. Begitu juga akan ragam karya yang dihasilkan oleh pelukis tempatan 10 tahun yang lalu hanya berkarya stereotaip umpamanya potret ala seni touris atau seni lapangan terbang yang dijual dengan harga murah dengan kualiti yang sangat rendah.

Pada hari ini menurut pengurus BSLS ini karya seni hasil anak tempatan lebih beraliran global karya konsepsi seperti instalasi, digital dan seni lakun atau performance art.

Menurut beliau lagi BSLS banyak menjalankan program meningkatkan ketrampilan seni terhadap pelukis muda terutamanya yang berbakat tetapi tidak mempunyai pendidikan formal, contoh bengkel lukisan, bengkel arca, bengkel lukisan batu, bengkel instalasi dan banyak lagi bengkel dan pameran yang sentiasa menyuntik ilmu seni visual terhadap pelukis tempatan.

Antara pameran yang dianggap sangat berkesan dan berpengaruh menobatkan karya seni tempatan adalah pameran bakat baharu sudah berjalan selama 17 tahun, pameran karya undangan berjalan selama 27 tahun dan KPTNS berjalan sejak BSLS ditubuhkan iaitu 34 tahun.

Kesan dari pameran itu boleh dikatakan setiap pelukis dewasa yang menempa nama di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa pernah mengambil bahagian dalam pameran tahunan yang berprestij seperti Awang Damit Ahmad, Christianne Goonting, Humin Jusilin, Mark Abdullah, Mathew Aziz, Hassan Majin, Abal Mukan dan ramai lagi.

Walaupun sibuk dengan tugas sebagai pengurus, pelukis serta ibu beliau setakat ini berjaya menghasilkan lima buah buku umpamanya Urban Design Consideration For Sabah 2005, Sabah Craft 2015, Flora and Fauna at ACC. Bank Negara dan terakhir Journal of Sabah Traditional Basket: Kampong Legacy.

Walaupun beliau seorang wanita yang menerajui Balai Seni Lukis Sabah namun kegigihan beliau untuk memartabatkan seni visual tidak pernah goyah malah sentiasa menasihati pelukis muda menurut seperti yang diungkapkan oleh idola beliau Frank Lyyod Wright seorang tokoh arkitek terkenal dunia 'Study nature, love nature, stay close to nature, It will never fail you.

Bangunan Balai Seni Lukis Sabah yang direkabentuk oleh Jeniffer Linggi.